



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

WAKTU PERKHIDMATAN PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1433H

Cyberjaya, 20 Julai - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan perubahan kepada waktu perkhidmatan semua pejabatnya sepanjang bulan Ramadhan adalah daripada pukul 7.30 pagi sehingga 5.00 petang. Waktu perkhidmatan ini diselaraskan dengan memendekkan waktu rehat tengahari kepada 30 minit supaya tempoh masa perkhidmatan biasa tidak terjejas.

Pelanggan yang ingin berurusan dengan LHDNM diharap ambil maklum perkara tersebut. Sungguh pun begitu, sebarang urusan percukaian berkaitan dengan LHDNM boleh diteruskan melalui perkhidmatan elektronik dengan melayari www.hasil.gov.my. Sebarang kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan adalah amat dikesali. LHDNM ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan Kareem kepada semua pelanggan yang beragama Islam.

SEKIAN, TERIMA KASIH

#

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	20 Julai 2012
Nombor Telefon	:	03-8313 8836
Nombor Faks	:	03-8313 7834
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010 www.hasil.gov.my